

PERBILANGAN, sejenis peribahasa yang panjang, lebih daripada satu ayat. Ia berbilang, lantas disebut perbilangan. Perbilangan bermakna selapis atau dua lapis. Perbilangan serupa pepatah dan berfungsi sebagai undang-undang, iaitu Undang-undang Adat Perpatih. Nama-nama lain bagi perbilangan ialah 'perbilangan adat', 'gurindam adat', 'teromba' dan 'terasul'.

Istilah 'gurindam adat' digunakan sebagai merujuk kepada bentuk ungkapan tersebut yang hampir sama dengan gurindam. Istilah ini tidak tepat, justeru itu tidak

perlu digunakan. Teromba ialah ungkapan atau ungkapan-ungkapan perbilangan yang disusun berurutan, bagi memenuhi sesuatu aspek dalam Undang-undang Adat Perpatih. Penggunaan dan cara gaya menyampaikan teromba difahami pula sebagai 'terasul' dalam adat perpatih.

Oleh sebab perbilangan berbentuk berangkap; terdiri daripada dua atau lebih larik serangkap; memakai rima atau tidak; tetapi berirama dan sejajar, maka perbilangan tergolong ke dalam puisi. Setiap rangkap dapat menyatakan suatu keseluruhan idea. Contoh:

1. *Fitrah manusia*

Merajuk kepada yang kasih, manja kepada yang sayang,
Meminta kepada yang ada, berkaul kepada yang keramat.

2. *Adat bercerai*

Cari bahagi,
Pembawa Kembali,
Dapatan Tinggal,
Sekutu belah,
Seorang beragih.

[lih. j. PERIBAHASA, TEROMBA]

PERBILANGAN ADAT, ungkapan yang dicipta dan diamalkan oleh masyarakat yang lazimnya duduk dalam lingkungan adat perpatih, sama ada di Negeri Sembilan dan sekitarnya, atau di negeri asal adat perpatih iaitu Minangkabau. Ungkapan ini mengandungi pengertian khusus.

Hukum adat dijadikan sebagai salah satu daripada landasan hidup bermasyarakat. Hukum atau peraturan dimanifestasikan melalui perbilangan adat. Hampir seluruh aspek budaya masyarakat adat perpatih dituangkan ke dalam bentuk perbilangan adat yang mempunyai makna dan pengertian yang dalam. Sistem sosial masyarakat adat perpatih berdasarkan empat elemen utama iaitu adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Cakupan perbilangan di atas merangkumi hukum atau peraturan yang abadi dan mencerminkan bahawa hukum alam tidak dapat dipisahkan daripada hukum Allah. Antara contoh perbilangan adat ialah:

• *Adat Sebenar Adat*

Adat tak lekang oleh panas
Adat tak lapuk oleh hujan
Adat berwaris kepada Nabi
Adat berkhalfah kepada Adam

• *Adat yang Diadatkan*

Adat yang diadatkan
Adat yang turun dari raja
Adat yang tumbuh dari datuk
Adat yang cucur dari penghulu
Adat yang dibuat kemudian

• *Adat yang Teradat*

Adat yang teradat

Datangnya tidak berberita
Perginya tidak berkhabar
Kecilnya teranja-anja
Besarnya terbawa-bawa

Adat yang disarung tidak berjahit
Adat yang berkelindan tidak bersimpul
Yang dibawa burung lalu
Yang tumbuh tidak ditanam
Yang kembang tidak berkuntum
Yang bertunas tidak beranting

Adat Istiadat (Hukum Adat)

Anak rumah tangga rumah
Berselasar tangga turun
Bertelaga jenjang naik
Minta wasiat kepada yang tua

Minta petua kepada yang alim
Minta akal kepada yang cerdik
Minta berani kepada hulubalang
Minta daulat kepada raja

Perbilangan adat juga menekankan tentang pentingnya musyawarah dalam setiap keputusan yang akan diambil bagi mengelakkan timbulnya sebarang konflik. Perbilangan adat juga merangkumi aktiviti ekonomi, budaya dan politik masyarakat pada keseluruhannya. Contohnya:

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Yang tidak ada sama dicari
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni

Biasanya orang yang tidak berharta dipandang rendah dalam masyarakat. Emas telah dijadikan sebagai ukuran kekayaan seseorang. Perbilangan mengatakan,

Hilang rupa dik penyakit
Hilang bangsa dik tak beremas

Adat perpatih menggalakkan anak-anak muda keluar merantau untuk mencari harta. Hal ini digambarkan dalam perbilangan adat berikut:

Ke rantai madang ke hulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum

Perbilangan adat juga menekankan tentang prinsip bagi menyelesaikan sesuatu pertikaian. Contohnya:

Buruk dibaiki
Kusut diselesaikan
Gaduh di hulu dihuluri
Gaduh di hilir dihiliri
Gaduh di tengah dihampiri

Sistem sosial adat perpatih menekankan konsep keadilan. Ini dapat dilihat dalam perbilangan adat:

Cupak yang pepet
Gantang yang piawai

Bungkal yang betul
Teraju yang baik
Tidak boleh dialih lagi
Biar mati anak jangan mati adat

Pertelingkahan akan dapat diselesaikan oleh ketua adat. Kedua-dua belah pihak yang bertelingkah akan merasa puas kerana tidak ada yang merasa dirugikan, bak kata perbilangan adat,

Menumbuk di lesung
Bertanak di periuk
Ular dipalu biar mati
Kayu pemalu jangan patah
Tempat pemalu jangan lembang
Ibarat menarik rambut dalam tepung
Tepung jangan terserak
Rambut ditarik jangan putus

Perbilangan adat juga menyentuh tentang sifat-sifat yang terpuji atau sifat-sifat yang tidak baik yang perlu dimiliki atau yang perlu dijaui oleh seseorang terutama kepala negeri atau ketua adat.